



Air castella berkesan rawat sakit jantung

Berita Harian 24 NOV 2010

M/S 17

Kajian dengan dua universiti iktiraf produk herba mampu jadi perubatan alternatif

BUKAN mudah sebenarnya untuk meyakinkan sesiapa saja mencuba sebarang produk perubatan alternatif berasaskan herba, apatah lagi ketika ini begitu banyak produk sebegitu muncul di pasaran dan pada masa sama kecanggihan teknologi perubatan moden seakan-akan menafikan keberkesanan yang ada pada sebahagian produk herba.


Lebih menyukarkan keadaan apabila produk herba tidak dikelas sebagai ubat disarankan pakar perubatan di hospital dan penjualannya juga tidak menjalani proses seperti ubat moden lain yang mudah diperolehi di farmasi atau klinik swasta.

Malah, jika diperhalusi hanya segelintir yang berani mencuba ubatan herba dan mereka biasanya datang dari kampung. Mereka yang berada dan mampu membayar ribuan ringgit untuk kos perubatan, pastinya kaedah perubatan moden menggunakan mesin canggih akan menjadi pilihan.

Realitinya, mungkin ramai tidak menyedari sebenarnya ada negara sudah mengiktiraf keberkesanan produk herba dalam mengubati pelbagai penyakit dan digunakan secara meluas di hospital kerajaan, malah doktor pakar juga berani menyarankan penggunaan beberapa jenis herba kepada pesakitnya.

Difahamkan juga, negara kita turut dalam proses menjadikan produk herba sebagai ubat alternatif di hospital, namun ia masih pada peringkat kajian kerana kebanyakan kaedah rawatan moden menggunakan bahan kimia dan penggunaan herba mungkin mewujudkan percanggahan dalam kaedah rawatan sedia ada.

Apa yang mungkin ramai juga



DR BADARUDDIN bersama buah castella yang mengandungi pelbagai khasiat perubatan.

tidak sedar, perawatan menggunakan herba bukan kaedah lama kerana saban hari ada saja produk baru ditemui daripada pelbagai sumber berbeza, malah sudah ada penawar untuk mengubati penyakit Aids yang turut menggunakan herba.

Justeru, suka atau tidak, perlu diakui ada produk herba terbukti berkesan, bukan sekadar selepas menjalani ujian kepada pesakit, te-

tapi sudah banyak pusat pendidikan serata dunia membuat analisis dan mengesahkan ia mujarab untuk mengubati pelbagai penyakit yang selama ini menelan belanja puluhan ribu ringgit untuk perawatan moden.

Sebenarnya, dalam negara ini bukan sedikit herba yang berupaya menyembuhkan pelbagai penyakit, malah dikatakan ada hampir 6,000 tumbuhan di Malaysia mempunyai

potensi dijadikan ubat. Ia sebenarnya sudah diakui ramai termasuk pakar dari Eropah apabila beberapa herba memperlihatkan hasilnya seperti Tongkat Ali, Misai Kucing, Kacip Fatimah, Ubi Jaga dan pelbagai lagi.

Menyedari begitu banyak ruang mencipta produk sebegitu dan pada masa sama membantu pesakit mencari alternatif selain perubatan moden yang menelan belanja tinggi, Pengerusi Nasar Teguh Trading, Prof Datuk Dr Badaruddin Nordin, mencuba satu herba unik, buah castella untuk diterjemah sebagai produk perubatan.

Menurutnya, banyak pendedahan mengenai herba yang berpotensi untuk dijadikan produk perubatan ditulis dan dikaji penyelidikan dari Eropah, tetapi tidak semuanya diteroka untuk diterjemah menjadi agen perubatan oleh sesiapaupun termasuk penemuan mengenai khasiat dimiliki castella yang sebenarnya tumbuh banyak di Malaysia.

Menyedari penyakit yang berpunca daripada kelemahan fungsi jantung antara tertinggi di negara ini, beliau nekad mencuba pelbagai herba yang pada peringkat awal untuk membantu abangnya menderita akibat tiga saluran jantung tersumbat.

"Dulu, ketika masalah jantungnya serius, beliau cepat penat, kadangkala bibirnya berubah menjadi biru pucat selepas berjalan beberapa puluh meter. Ia mengakibatkannya sukar bernafas. Banyak kali beliau mendapatkan rawatan di hospital termasuk berjumpa pakar jantung.

"Sukar mengubati masalahnya kerana alat yang mahu dimasukkan ke saluran jantung tidak muat di-

sebabkan saluran lebih kecil. Doktor mencadangkan kaedah pembedahan pintasan jantung sebagai jalan terbaik, tetapi ia dianggap jalan terbaik di kalangan kami semua.

"Peluang pulih selepas pembedahan itu hanya 40 peratus. Sebenarnya ketika itu saya sudah menjalankan kajian selama dua tahun ke atas buah castella. Untuk menguji keberkesanannya, saya mencadangkan abang mencubanya dan Alhamdulillah laluan tersumbat itu kembali terbuka," katanya.

Bukan itu saja yang meyakinkan beliau untuk menghasilkan produk minuman herba ini kepada umum, tetapi beliau turut mencuba kepada tiga pesakit yang mengalami masalah saluran jantung tersumbat dan sekali lagi, ia berjaya memulihkan mereka.

Bagi memastikan produk itu mendapat pengesahan dari agensi bertaualiah, beliau menjalankan kerjasama dengan Universiti Kuala Lumpur dan Kolej Lincoln, sekaligus mengiktiraf air dari buah castella mempunyai ciri-ciri terapi yang baik untuk jantung dan asid galic bagi memecahkan kolesterol.

Uniknya, produk herba berpotensi untuk mengubati penyakit lain yang tidak terduga, sama seperti Castella kerana meskipun minumannya dihasilkan untuk merawat masalah jantung dan kolesterol, ada pengguna yang mendakwa berjaya memulihkan penyakit demam denggi.

Menurut Badarudin, ia bukan mustahil, jika dilihat kepada tujuan asal penghasilan pil Viagra ialah mempercepatkan kadar denyutan jantung bagi menangani masalah pesakit jantung, tetapi akhirnya lebih popular sebagai ubat bagi menguatkan fungsi alat kelamin.